

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pelaburan syarikat BioNexus RM6.81b	Utusan Malaysia
2.	Projek BTP babit pelaburan RM17 bilion	Berita Harian
3.	283 Syarikat Bionexus peroleh pelaburan dilulus bernilai RM6.81 bilion	BERNAMA
4.	Bioeconomy Corp kenal pasti 77 projek BTP	Utusan Malaysia
5.	283 BioNexus firms set up ops in Malaysia, create 10,665 jobs	New Straits Times
6.	Teknologi pembungkusan GB	Harian Metro
7.	Mersing kembali digenangi air	KOSMO
8.	Gempa bumi lemah landa Ranau	BERNAMA
9.	Mangsa banjir di johor meningkat kepada 85 orang	BERNAMA
10.	Mangsa banjir 71 orang, Mersing kembali banjir	BERNAMA
11.	Punca kematian Ahnaf Hanafi masih belum diketahui	BERNAMA

Pelaburan syarikat BioNexus RM6.81b

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 JAN.

SEJUMLAH 283 syarikat BioNexus ditubuhkan di Malaysia setakat Disember 2017 dengan pelaburan diluluskan bernilai RM6.81 bilion, peningkatan 2.2 peratus berbanding RM6.66 bilion pada 2016.

Status BioNexus diberikan kepada syarikat berasaskan bio yang berjaya dalam bidang bioteknologi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, syarikat-syarikat itu juga menyumbang sebanyak 10,665 peluang pekerjaan naik 4.2 peratus daripada 10,238 pada 2016.

Katanya, syarikat berstatus BioNexus mencatatkan purata kadar pertumbuhan tahunan 18 peratus dari segi penjanaan hasil dari 2008 hingga Disember 2017.

"Pencapaian ini menunjukkan Malaysia berada di kedudukan terbaik untuk cemerlang dalam industri berasaskan bio dengan menumpukan kepada bidang ber-



Syarikat-syarikat itu juga menyumbang sebanyak 10,665 peluang pekerjaan naik 4.2 peratus daripada 10,238 pada 2016."

WILFRED MADIUS TANGAU
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)



impak tinggi, pertumbuhan tinggi dan teknologi tinggi.

"Ia berupaya memacu pembangunan teknologi tempatan, menjana peluang ekonomi baharu dan mewujudkan spektrum meluas sektor berasaskan bio di negara ini," katanya ketika berucap merasmikan Hari Bioekonomi 2018 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corp), Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid dan Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp., Dr. Mohd. Shuhaizam Mohd. Zain.

Madius berkata, pencapaian syarikat BioNexus dan projek-projek yang diperoleh di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) dan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) mencerminkan kekuatan industri berasaskan bio Malaysia yang terus bertahan meskipun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan kompetitif.

"Pada Disember 2017, sebanyak 37 projek BCDP dilaksanakan melibatkan lebih 2,800 peserta termasuk projek jerami padi di Pendang, Kedah dan projek penanaman nanas di Lekir, Perak," jelasnya.

Projek BTP babit pelaburan RM17 bilion

➔ 26,700 peluang pekerjaan bakal diwujudkan, hasil produk bernilai tinggi

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@bh.com.my

Sebanyak 77 projek berpotensi di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) bakal mewujudkan 26,700 peluang pekerjaan dan membabitkan pelaburan lebih RM17 bilion menjelang 2020.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata syarikat berasaskan bio terus menjadi

tunggak utama dalam pembangunan holistik merangkumi ekonomi, urus tadbir dan sosial.

"Projek BTP memberi tumpuan kepada pengkomersialan produk bernilai tinggi yang boleh menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Antara projek yang sudah dikenal pasti adalah penggunaan bahan berasaskan bio yang dipeoleh daripada minyak dan sisa

kelapa sawit seperti 'pembangunan, pengeluaran dan pengkomersialan kertas menggunakan tandan buah kosong (EFB)' di Pahang," katanya pada pelancaran Hari Bioekonomi 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Malaysia Bioeconomy Development Corporation Bhd (Bioeconomy Corporation), Tan Sri Zakri Abdul Hamid.

Wilfred berkata, setakat ini sebanyak 283 syarikat berstatus

BioNexus merekodkan pelaburan diluluskan bernilai RM6.81 bilion pada 2017, meningkat 2.2 peratus berbanding RM6.6 bilion pada tahun sebelumnya.

10,665 peluang pekerjaan

"Syarikat ini juga menyumbang 10,665 peluang pekerjaan, meningkat 4.2 peratus berbanding 10,238 pada tahun 2016.

"Selain itu, syarikat berstatus BioNexus mencatatkan kadar

pertumbuhan purata tahunan 18 peratus dari segi penjana pendapatan dari 2008 hingga Disember 2017," katanya.

Beliau berkata, Bioeconomy Corporation juga melaksanakan 37 projek Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) sehingga Disember 2017 membabitkan 2,800 peserta.

"Projek ini dijangka memberi impak kepada lebih 13,000 penduduk di sekitarnya," katanya.



[FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH]

Wilfred bersama Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya (empat dari kanan); Zakri (tiga dari kanan) dan Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain (lima dari kanan) melawat gerai pameran pada pelancaran Hari Bioekonomi 2018 di Kuala Lumpur, semalam.



283 Syarikat Bionexus Peroleh Pelaburan Dilulus Bernilai RM6.81 Bilion

Tarikh kemaskini: 11/01/2018

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Sejumlah 283 syarikat BioNexus telah ditubuhkan di Malaysia setakat Disember 2017, dengan pelaburan diluluskan bernilai RM6.81 bilion, peningkatan 2.2 peratus berbanding RM6.66 bilion pada 2016.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau, berkata syarikat-syarikat itu juga menyumbang 10,665 pewujudan pekerjaan, naik 4.2 peratus daripada 10,238 pada 2016.

Beliau berkata syarikat berstatus BioNexus mencatatkan purata kadar pertumbuhan tahunan 18 peratus dari segi penjanaan hasil dari 2008 hingga Disember 2017.

"Pencapaian ini menunjukkan Malaysia berada di kedudukan terbaik untuk cemerlang dalam industri berasaskan bio dengan menumpukan kepada bidang berimpak tinggi, pertumbuhan tinggi dan teknologi tinggi, yang berupaya memacu pembangunan teknologi tempatan, menjana peluang ekonomi baharu dan mewujudkan spektrum meluas sektor berasaskan novel bio di negara ini," katanya pada program Hari Bioekonomi 2018, di sini, hari ini.

Status BioNexus diberikan kepada syarikat berasaskan bio yang berjaya dalam bidang bioteknologi.

Madius berkata pencapaian syarikat BioNexus dan projek-projek yang diperolehi di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) dan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) mencerminkan kekuatan industri berasaskan bio Malaysia yang terus bertahan meskipun dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan kompetitif.

Meskipun projek BCDP menumpukan membawa impak kepada masyarakat, projek VTP menyediakan kepentingan ekonomi dengan menumpukan kepada pengkomersialan produk bernilai tinggi yang boleh menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar Malaysia.

Pada Disember 2017, sebanyak 37 projek BCDP dilaksanakan melibatkan lebih 2,800 peserta termasuk projek jerami padi di Pendang, Kedah dan projek penanaman nanas di Lekir, Perak.

Sementara itu, sebanyak 77 projek pencetus telah diperolehi di bawah BTP yang disasarkan untuk menyediakan lebih 26,700 peluang pekerjaan dan memperoleh pelaburan kumulatif bernilai lebih RM17 bilion menjelang 2020.

Antara projek BTP yang utama adalah penggunaan bahan bio yang diperoleh daripada minyak sawit dan sisa sawit seperti pembangunan, pengeluaran dan pengkomersialan kertas beralur menggunakan tandan buah kosong di Pahang, pengeluaran dan pengkomersialan ramuan makanan khusus yang diperoleh daripada minyak sawit dan membuka kemudahan pengeluaran minyak sawit merah tambahan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS) : MUKA SURAT B5
TARIKH : 12 JANUARI 2018 (JUMAAT)

283 BioNexus firms set up ops in Malaysia, create 10,665 jobs

KUALA LUMPUR: A total of 283 BioNexus companies had been set up in Malaysia as of December last year, with approved investments worth RM6.81 billion, an increase of 2.2 per cent compared with RM6.66 billion as of 2016.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said the companies had contributed

10,665 jobs, up 4.2 per cent from 10,238 in 2016.

He said the BioNexus status companies had recorded an average annual growth rate of 18 per cent in terms of revenue generation from 2008 to December last year.

"These accomplishments show that Malaysia is well primed to excel in the bio-based industry by focusing on high impact, high-

growth and high-technology area, capable of driving the development of homegrown technologies, generating new economic opportunities and creating a broad spectrum of novel bio-based sectors in the country," he said at the Bioeconomy Day 2018 programme, here, yesterday.

Madius said the achievements of the BioNexus companies and

secured projects under the Bioeconomy Transformation Programme (BTP) and Bioeconomy Community Development Programme (BCDP) reflected the tenacity of Malaysia's bio-based industry, which continued to prevail despite the unpredictable and competitive economic climate.

While BCDP projects focus on bringing societal impact, BTP projects deliver economic signif-

icance by focusing on the commercialisation of high-value products that could contribute to Malaysia's gross domestic product.

As of December last year, 37 BCDP projects were implemented involving 2,800 participants, including the waste rice straw project in Pendang, Kedah and pineapple farming project in Lekir, Perak. **Bernama**



Bioeconomy Corp kenal pasti 77 projek BTP



MENTERI Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berucap pada majlis perasmian Hari Bioekonomi di sini hari ini. - UTUSAN

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corp) mengenal pasti sebanyak 77 projek di bawah Program Transformasi Bioekonomi (BTP) melibatkan pelaburan diluluskan kumulatif lebih RM17 bilion pada 2020.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, projek BTP itu disasar untuk menyediakan lebih 26,700 peluang pekerjaan.

"Syarikat berasaskan bio terus menjadi tunjang utama pemacu kepada pembangunan ekonomi, tadbir urus dan sosial," katanya ketika merasmikan Hari Bioekonomi di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

TEKNOLOGI PEMBUNGKUSAN GB

Gabung konsep biodegradasi, pembaik pulih sumber sokong kelestarian alam sekitar

INOVASI

Mohamad Hussin
mohamad_hussin@
hmetro.com.my

Projek mewujudkan industri pembungkusan Green Blue (GB) sebagai langkah memperkasa industri berkenaan melalui rantai nilai industri pembungkusan GB. Ia melangkah setapak lagi melalui pelancaran Tapak Rintis Premis Makanan Hijau dan Sistem Pencernaan Anaerobik.

Pembungkusan GB adalah teknologi pembungkusan inovatif yang menggabungkan konsep biodegradasi dan pembaik pulih sumber bagi menyokong kelestarian alam sekitar serta perniagaan.

Di bawah projek Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) itu, Medan Selera USJ 7, Subang Jaya, Selangor menjadi tapak rintis premis makanan hijau yang ketiga dilancarkan.

Projek berkenaan selepas pelancaran Medan Ikan Bakar Kampung Gelam, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Medan Selera Kompleks Melaka Mall, Ayer Keroh, Melaka.

Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) juga dilantik KeTTHA sebagai agensi pelaksana bagi projek ini.

Ia membabitkan pembangunan kemahiran dan pengalaman untuk melanjutkan perkhidmatan dan kepakaran berkaitan pembungkusan GB kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang menceburi industri ini.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, dua projek yang sudah dilancarkan sebelum ini berjalan dengan baik.

"SIRIM menyediakan sebanyak dua juta unit sampel pembungkusan GB kepada peniaga di premis makanan hijau yang dilancarkan di Port



PENYELIDIK SIRIM memasukkan sisa makanan ke dalam sistem pencernaan anaerobik.



MOHD Zulkurnain (dua dari kiri), Dr Ahmad Fadzil (dua dari kanan) dan Rogayah (kanan) pada majlis pelancaran.



PROSES pengepakan pembungkusan GB.

Dickson, Melaka dan USJ.

"Di bawah inisiatif ini juga, sistem pencernaan anaerobik turut diperkenalkan di premis makanan hijau yang akan merawat pembungkusan GB bersama sisa makanan. "Ia untuk menghasilkan biogas dan biobaja sebagai pendekatan pembaik pulih sumber dan seterusnya mengurangkan pelepasan gas hijau," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Tapak Rintis Premis Makanan Hijau dan Sistem Pencernaan Anaerobik di Subang Jaya, Selangor, baru-baru ini.

Majlis pelancaran disempurnakan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) Mohd Zulkurnain Che Ali. Hadir sama, Setiausaha Bahagian Kanan Sektor Teknologi Hijau KeTTHA Rogayah Kadari.

Ahmad Fadzil berkata, sistem anaerobik yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Port Dickson sudah menerima sekitar 100 sehingga 200 kilogram (kg) sisa makanan setiap hari dari hotel berdekatan dan beroperasi dengan kapasiti maksimum iaitu 500kg sehari akhir tahun

lalu.

"Sementara sistem anaerobik yang dilaksanakan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Melaka pula masih di peringkat ujian untuk menguji keupayaan sistem yang dilaksanakan.

"Bagi tujuan pensijilan Pelabelan Eko Premis Makanan Mesra Alam, sebanyak 65 gerai peniaga di medan selera terpilih akan menerima khidmat perundingan sebagai persediaan awal sebelum pengauditan oleh badan pensijilan SIRIM QAS International," katanya.

Pada majlis itu,

seramai 20 pengusaha premis makanan dari Medan Selera Awam USJ 7 dibekalkan dengan bekas pembungkusan makanan GB, bahan pencuci mesra alam yang menerima pensijilan pelabelan eko dan sistem pencernaan anaerobik sebagai sistem pengolahan sisa makanan yang berasaskan konsep pembaik pulih sumber untuk tempoh rintis ini.

Biogas yang terjana daripada sisa makanan yang sudah dirawat di Medan Selera Awam USJ 7 ini, akan ditukar kepada tenaga elektrik untuk kegunaan setempat.



PEMBUNGKUSAN GB.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 12 JANUARI 2018 (JUMAAT)

Mersing kembali digenangi air

JOHOR BAHRU - Mangsa banjir di Johor setakat petang semalam meningkat kepada 71 orang selepas sebuah lagi pusat pemindahan sementara dibuka di Mersing.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, kawasan di Mersing yang terjejas melibatkan Kampung Tenglu Besar.

"Pusat pemindahan Balai Raya Kampung Tenglu Besar dibuka tengah hari semalam untuk menempatkan 34 mangsa daripada lapan buah keluarga yang terjejas akibat banjir," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, 37 mangsa banjir daripada 11 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan Balai Raya Gemereh di Batu Badak, Segamat sejak pukul 10 pagi tadi berbanding 31 mangsa daripada 10 keluarga pada 8 pagi.

Menurut Ayub, pemantauan berterusan terhadap banjir terus dijalankan pelbagai agensi dan pemantauan cuaca oleh (Jabatan Meteorologi Malaysia) katanya.

Difahamkan, cuaca di dua daerah itu kini hujan renyai-renyai.



Gempa Bumi Lemah Landa Ranau

Tarikh kemaskini: 11/01/2018

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Gempa bumi lemah bermagnitud 3.1 pada skala Richter berlaku di Ranau, Sabah, pada 8.13 malam, hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan berkata lokasi gempa bumi itu ialah 11 kilometer Barat Ranau.

Gegaran dirasai di kawasan Ranau, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA



Mangsa Banjir Di Johor Meningkatkan Kepada 85 Orang

Tarikh kemaskini: 11/01/2018

JOHOR BAHRU, 11 Jan (Bernama) -- Mangsa banjir di Johor meningkat kepada 85 orang setakat 4 petang ini berbanding 71 orang tengah hari tadi dengan sebuah lagi pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di Segamat.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata kawasan baharu yang terjejas di Segamat adalah di Kampung Pogoh Tengah.

"PPS Balai Raya Kampung Pogoh Tengah baru dibuka pada pukul 4 petang tadi bagi menempatkan 10 mangsa daripada dua buah keluarga yang terjejas akibat banjir, " kata beliau dalam kenyataan di sini hari ini.

Di PPS Balai Raya Gemereh pula, 41 mangsa banjir daripada 12 keluarga ditempatkan di pusat berkenaan sementara di Mersing, 34 orang daripada lapan keluarga ditempatkan di Balai Raya Kampung Tenglu Besar.

Menurut Ayub, pemantauan berterusan terhadap banjir terus dijalankan pelbagai agensi dan pemantauan cuaca oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia**.

-- BERNAMA



Mangsa Banjir 71 Orang, Mersing Kembali Banjir

Tarikh kemaskini: 11/01/2018

JOHOR BAHRU, 11 Jan (Bernama) -- Mangsa banjir di Johor setakat tengah hari ini meningkat kepada 71 orang setelah sebuah lagi pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di Mersing.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata kawasan di Mersing yang terjejas melibatkan Kampung Tenglu Besar.

"PPS Balai Raya Kampung Tenglu Besar dibuka pada pukul 12 tengah hari tadi untuk menempatkan 34 mangsa daripada lapan buah keluarga yang terjejas akibat banjir," kata beliau dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, 37 mangsa banjir daripada 11 keluarga ditempatkan di PPS Balai Raya Gemereh di Batu Badak, Segamat sejak pukul 10 pagi tadi berbanding 31 mangsa daripada 10 keluarga pada 8 pagi.

Menurut Ayub, pemantauan berterusan terhadap banjir terus dijalankan pelbagai agensi dan pemantauan cuaca oleh **Jabatan Meteorologi Malaysia**, katanya.

Difahamkan, cuaca di dua daerah itu kini hujan renyai-renyai dan sedikit mendung.

-- BERNAMA



Punca Kematian Ahnaf Hanafi Masih Belum Diketahui

Tarikh kemaskini: 11/01/2018

KUANTAN, 11 Jan (Bernama) -- Punca kematian kanak-kanak berusia setahun sebulan, Ahnaf Hanafi Mohd Haniff selepas dihantar ke rumah pengasuhnya semalam, masih belum diketahui.

Bapanya Mohd Haniff Selaman@Sulaiman, 28, berkata laporan bedah siasat yang dilakukan di Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini malam tadi, sekadar menyatakan punca kematian sebagai 'masih dalam siasatan'.

"Bagaimanapun doktor ada mengambil sampel darah anak saya untuk dihantar ke **Jabatan Kimia** dan saya difahamkan keputusan boleh diketahui dalam tempoh dua bulan," katanya.

Mohd Haniff berkata demikian kepada pemberita semasa ditemui selepas selesai urusan pengebumian anaknya di Tanah Perkuburan Islam Bukit Ubi di sini, hari ini.

Beliau memberitahu jenazah anak tunggalnya dibawa pulang dari HTAA sekitar pukul 9 malam tadi.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuantan ACP Mohamad Noor Yusof Ali berkata setakat ini, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Ahnaf Hanafi disahkan meninggal dunia di sebuah klinik swasta di Indera Mahkota 5 di sini, sekitar pukul 2.30 petang semalam, beberapa jam selepas dihantar ke rumah pengasuhnya di Indera Mahkota 15.

Kanak-kanak itu dihantar sekitar pukul 8.10 pagi oleh kedua-dua ibu bapanya dalam keadaan baik, sebelum ibunya Rushidah Abdullah, 30, menerima panggilan daripada pengasuh memaklumkan Ahnaf Hanafi tidak sedarkan diri dalam keadaan mata terbeliak.

-- BERNAMA